

Jenis Akhbar : *Harian Metro*
Tarikh : *15/06/2017*
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 65*

ABDUL Fattah (tengah)
memegang poster Pertandingan
Fotografi ICAKL 2017.

HARIAN METRO

Garret Dawum
garret@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Usaha mempromosikan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai tuan rumah Persidangan Global dan Perhimpunan Umum Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017 dimeriahkan dengan penganjuran Pertandingan Fotografi ICAKL.

Pertandingan yang kali pertama diadakan itu adalah anjuran ANGKASA dan Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) dengan menawarkan hadiah wang tunai sehingga RM2,500.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ICA adalah sebuah badan bebas apeks global yang menyatukan serta mewakili koperasi dari seluruh dunia.

"Penganjuran persidangan ICA 2017 pada November depan akan menarik minat ramai pemimpin koperasi dari seluruh dunia untuk



FOTO: SUPIAN AHMAD

ANGKASA hos ICA2017

■ **Anjur Pertandingan Fotografi ICAKL
promosi penganjuran sidang antarabangsa**

mengenal Malaysia dengan lebih dekat dan meninjau peluang pasaran untuk produk mereka.

"Selari dengan persidangan itu, pertandingan fotografi dengan tema Koperasi: Memartabatkan Masyarakat Dalam Arus Pembangunan turut diadakan," ka-

tanya dalam sidang media di ibu pejabat ANGKASA di sini, semalam.

Menurutnya, tema pertandingan yang dipilih berseesuaian dengan peranan koperasi yang unik kerana menggabungkan kejayaan ekonomi dengan tadbir urus demokratik dan prihatin ke-

pada masyarakat.

"Kira-kira 104 wakil negara seluruh dunia akan menyertai persidangan ini nanti, sekali gus dapat menjadikan koperasi sebagai pelaku sosial dan ekonomi yang ketara.

"Dalam pertandingan fotografi, saya berharap ahli

koperasi, khususnya golongan muda yang kreatif dan mempunyai idea bernas akan menyertainya," katanya sambil menambah pertandingan itu akan diadakan sebagai acara tahunan jika mendapat sambutan menggalakkan.

Katanya, pertandingan yang bermula semalam hingga 22 Julai depan terbuka kepada semua warganegara Malaysia, perhaustatin tetap serta kerakyatan negara lain dan ia adalah percuma.

"Setiap foto akan dinilai berdasarkan keaslian, konsep, idea yang menepati tema, komposisi, estetika dan paparan keunikan.

"Penyertaan akan dihakimi oleh panel juri profesional bebas yang dilantik pihak penganjur dan keputusan pemenang akan diumumkan sebelum persidangan serta hadiah akan diberikan ketika majlis penutupan persidangan nanti," katanya.

Syarat penyertaan pertandingan boleh didapati di laman Facebook rasmi pertandingan Fotografi ICAKL 2017 dan ANGKASACOOOP.

15-06-2017

setempat 65

Perpustakaan Koperasi
Malaysia